

3757/1
Ekonomi Asas
Kertas 1
2011
1 jam 15 minit



JABATAN PELAJARAN MELAKA

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN

**TINGKATAN EMPAT
2011**

EKONOMI ASAS

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
 2. *Jawab semua soalan*
 3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A,B,C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan*
 4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*
-
-

Kertas soalan ini mengandungi 21 halaman bercetak

Arahan : *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A,B,C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan*


- 1 Kajian ekonomi bertujuan untuk mengkaji bagaimana manusia menggunakan
- A Sumber yang terhad dan kehendak manusia yang terhad
 - B Sumber yang terhad berbanding kehendak manusia yang tidak terhad
 - C Sumber yang tidak terhad dan kehendak manusia yang terhad
 - D Sumber yang tidak terhad dan kehendak manusia yang tidak terhad
- 2 Maklumat berkaitan dengan masalah ekonomi

Kompleks Sukan merupakan projek kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan kerana memilih pembinaan sekolah menengah

Antara berikut yang manakah berkaitan dengan masalah ekonomi di atas ?

- A Pilihan oleh firma
- B Kos lepas oleh kerajaan
- C Kos lepas oleh firma
- D Pilihan oleh kerajaan

- 3 Rajah 1 menunjukkan sumber-sumber ekonomi yang diperlukan untuk mengeluarkan barang-barang dan perkhidmatan



Rajah 1

Y ialah satu daripada sumber tersebut. Apakah ganjaran yang diberi kepada penyumbang Y?

- A Upah
 - B Sewa
 - C Faedah
 - D Untung
- 4 Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan Syarikat Z

Syarikat Z mengeluarkan minyak masak dengan menggunakan kaedah intensif modal bagi kegunaan industri makanan ringan

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh Syarikat Z?

- I Apakah yang hendak dikeluarkan?
 - II Berapakah yang hendak dikeluarkan?
 - III Untuk siapa hendak dikeluarkan?
 - IV Bagaimanakah hendak dikeluarkan?
- A I,II dan III
 - B I,II dan IV
 - C I,III dan IV
 - D II,III dan IV

5 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu sistem ekonomi

- Wujud persaingan harga dan bukan harga antara firma
- Masalah ekonomi diselesaikan melalui mekanisme harga

Pihak manakah yang berkuasa membuat keputusan dalam sistem ekonomi itu?

I Pemerintah

II Pengguna

III Pengeluar

IV Pemilik faktor

A I,II dan III

B I, II dan IV

C I,III dan IV

D II,III dan IV

6 Bagaimanakah kerajaan campurtangan bagi menyelesaikan masalah apakah yang hendak dikeluarkan dalam sistem ekonomi campuran?


A Mengawal tingkat harga barang

B Mengeluarkan barang awam


C Menggalakkan penggunaan teknologi moden

D Menghadkan pengeluaran lesen perniagaan

7 Berikut adalah perbualan antara rakyat dua Negara, X dan Y



Rakyat Negara X



Rakyat Negara Y

Berdasarkan perbualan di atas, apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh Negara X dan Negara Y?

	Negara X	Negara Y
A	Sistem Ekonomi Campuran	Sistem Ekonomi Islam
B	Sistem Ekonomi Perancangan Pusat	Sistem Ekonomi Kapitalis
C	Sistem Ekonomi Kapitalis	Sistem Ekonomi Perancangan Pusat
D	Sistem Ekonomi Islam	Sistem Ekonomi Campuran


8 Dalam sistem ekonomi pasaran bebas, pengguna adalah “raja”.

Apakah maksud pernyataan tersebut?

- A Harga sesuatu barang ditetapkan oleh pengguna
- B Pengguna mampu memuaskan semua kehendak mereka
- C Pengguna berhak mendapatkan barang pada harga yang murah
- D Keputusan pengguna akan menentukan jenis barang yang hendak dikeluarkan

- 9 Antara yang berikut, manakah aktiviti yang berkaitan dengan pelaburan
- I Najman membeli Amanah Saham Nasional bernilai RM 3 000
 - II Naimi membeli Sijil Simpanan Premium di Bank Simpanan Nasional
 - III Firma F & Z menghantar seorang pekerjaanya menjalani latihan
 - IV Syarikat A & C membeli stok barang niaga untuk dijual semula
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 10 berdasarkan rajah 2



Rajah 2

- 10 Y dan Z mungkin sekali
- A Tabungan dan Zakat
 - B Tabungan dan Perbelanjaan
 - C Zakat dan Premium Insurans
 - D Perbelanjaan dan Premium Insurans

- 11 Encik Shamsul baru memulakan perniagaan di Masjid Tanah. Beliau bercadang menggunakan cek dalam setiap urusniaganya.
Apakah jenis akaun yang sesuai dibuka oleh Encik Shamsul?
- A Akaun Tabungan
 - B Akaun Semasa
 - C Akaun Tetap
 - D Akaun Amanah
- 12 Encik Najmi mengusahakan perusahaan kraftangan di Tanjung Bidara. Beliau menyimpan hasil jualan di bank perdagangan. Apakah jenis pendapatan yang diperolehi oleh beliau?
- A Faedah dan Dividen
 - B Dividen dan Faedah
 - C Untung dan Faedah
 - D Komisen dan Untung
- 13 Berikut merupakan kepentingan belanjawan peribadi, **kecuali**
- A Membantu mengawal kenaikan harga barang
 - B Membantu individu mengelakkan hutang
 - C Membantu individu merancang tabungan
 - D Membantu individu semasa kecemasan

Pendapatan tahunan Encik Nuk'man ialah RM30 000 setahun. Beliau mengeluarkan zakat RM150. Beliau juga membayar cukai pendapatan sebanyak RM300 setahun. Beliau mencarum sebanyak 11% ke dalam akaun KWSP dan mencarum RM100 ke akaun PERKESO. Encik Nuk'man telah membuat tabungan sebanyak RM700 dan membayar premium insurans RM450


- 14 Berdasarkan maklumat di atas, berapakah pendapatan boleh guna En.Nuk'man?
- A RM26 000
 - B RM26 100
 - C RM26 150
 - D RM25 450
- 15 Antara berikut, yang manakah merupakan faedah sampingan di dalam pemilihan sesuatu pekerjaan ?
- I Bonus produktiviti
 - II Kemudahan rekreasi
 - III Kenaikan pangkat
 - IV Mengikuti kursus
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, II dan IV

- 16 Antara berikut yang manakah **tidak** dimasukkan dalam pengiraan pendapatan boleh cukai?
- A Sewa
 - B Faedah
 - C Untung
 - D Bayaran Pindahan
- 17 Maklumat berikut merujuk kepada suatu unit ekonomi.
- Membekalkan faktor –faktor pengeluaran
 - Bersama-sama membuat keputusan ekonomi
 - Menggunakan barang dan perkhidmatan
- Unit ekonomi itu ialah
- A Buruh
 - B Individu
 - C Isi rumah
 - D Pengguna
- 18 Antara berikut, yang manakah **benar** tentang keluk permintaan ?
- A Hubungan antara harga dan kuantiti diminta adalah positif
 - B Penurunan harga menyebabkan permintaan berkurangan
 - C Keluk permintaan mencerun ke atas dari kiri ke kanan
 - D Menunjukkan kuantiti yang diminta pada setiap tingkat harga

- 19 Apabila harga barang X meningkat, permintaan barang Y juga meningkat. Antara berikut yang manakah mewakili barang X dan barang Y

	Barang X	Barang Y
A	Milo	Gula
B	Kasut	Stokin
C	Ayam	Ikan
D	Kerusi	Meja

- 20 **Rajah 3** menunjukkan pergerakan X ke Y di sepanjang keluk permintaan (DD)



Rajah 3

Pergerakan dari X ke Y berlaku disebabkan

- A kenaikan harga barang itu
- B kejatuhan harga barang itu
- C Kenaikan harga barang penggenap
- D kejatuhan harga barang penggenap

- 21 **Jadual 1** menunjukkan hubungan antara harga dan permintaan terhadap motosikal tempatan bagi bulan Mac dan Jun 2011.

Bulan	Harga Seunit (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
Mac 2011	3 800	19 000
Jun 2011	3 800	39 000

Jadual 1

Faktor manakah yang mempengaruhi perubahan permintaan motosikal itu pada bulan Jun berbanding bulan Mac 2011 ?

- I Harga petrol telah meningkat
 - II Cukai motosikal impot dinaikkan
 - III Pendapatan boleh guna individu merosot
 - IV Kadar faedah skim sewa beli dikurangkan
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV
- 22 Apakah kesan kepada kuantiti diminta jika harga turun sebanyak 35% bagi permintaan barang anjal ?
- A Menurun lebih daripada 35%
 - B Meningkatkan lebih daripada 35%
 - C Menurun kurang daripada 35%
 - D Meningkatkan kurang daripada 35%

- 23 Jadual 2 menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta(unit)
10	5
20	4

Jadual 2

Berapakah keanjalan harga permintaan jika harga berubah daripada RM10 kepada RM20 ?

- A 0.20
 B 0.25
 C 0.40
 D 0.50
- 24 **Jadual 3** merujuk kepada pekali keanjalan harga permintaan bagi Barang X dan Barang Y.


	Barang X	Barang Y
Pekali Keanjalan	1.5	0.5

Jadual 3

Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh peniaga untuk meningkatkan hasil jualan bagi setiap barangan berikut ?

	Barang X	Barang Y
A	Naikkan harga	Turunkan harga
B	Kekalkan harga	Turunkan harga
C	Turunkan harga	Naikkan harga
D	Naikkan harga	Kekalkan harga

- 25 Apakah yang dimaksudkan dengan firma?
- A Sebuah organisasi yang menjamin pengeluaran barangan yang mencukupi
 - B Sebuah organisasi yang bertanggungjawab memaksimumkan kepuasan manusia
 - C Sebuah organisasi yang bertujuan meningkatkan taraf hidup masyarakat
 - D Sebuah organisasi yang mengeksploitasi sumber ekonomi untuk menghasilkan barangan
- 26 Pilih pernyataan yang menerangkan konsep keanjalan harga penawaran .
- A Peratus perubahan kuantiti ditawarkan dibahagi dengan perubahan harga
 - B Peratus perubahan harga dibahagi dengan peratus perubahan kuantiti ditawarkan
 - C Peratus perubahan harga dibahagi dengan perubahan kuantiti ditawarkan
 - D Peratus perubahan kuantiti ditawarkan dibahagi dengan peratus perubahan harga



Rajah 4

- 27 Rajah 4 menunjukkan keluk penawaran firma X. Keluk tersebut menunjukkan
- kuantiti ditawarkan mempunyai hubungan langsung dengan harga
 - kuantiti ditawarkan mempunyai hubungan songsang dengan harga
 - harga dipengaruhi oleh perubahan kuantiti ditawarkan
 - kuantiti ditawarkan tidak dipengaruhi oleh harga
- 28 Antara langkah-langkah berikut, yang manakah **tidak** boleh dilakukan oleh firma untuk menambahkan output dalam jangka pendek?
- Menambahkan bilangan pekerja
 - Menambahkan saiz kilang
 - Menambahkan bahan-bahan mentah
 - Meningkatkan teknologi baru
- I dan II
 - I dan III
 - II dan IV
 - III dan IV

Soalan 29 dan 30 berdasarkan jadual 4 di bawah

Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)
0	14
2	20
4	38
6	96

Jadual 4

- 29 Hitungkan jumlah kos tetap bagi keluaran ke 4
- A RM 9.50
 - B RM14.00
 - C RM18.00
 - D RM38.00
- 30 Hitungkan kos purata bagi output ke 8, jika kos berubah ialah RM 132.00
- A RM16.50
 - B RM18.00
 - C RM18.25
 - D RM25.00

- 31 Antara berikut, faktor yang manakah mempengaruhi peningkatan penawaran barang?
- I Penggunaan teknologi tinggi
 - II Jangkaan harga pada masa depan jatuh
 - III Citarasa pengguna bertambah
 - IV Penambahan subsidi kepada pengeluar
- A I,II dan III
 - B I,II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II,III dan IV
- 32 Jadual 5 menunjukkan peratus perubahan kuantiti yang ditawarkan dan peratus perubahan harga bagi barang X dan barang Y.

Barang	Peratus perubahan kuantiti	Peratus perubahan harga
X	20	10
Y	15	15

Jadual 5

Apakah jenis keanjalan harga penawaran bagi barang X dan barang Y ?

	Barang X	Barang Y
A	Anjal	Tidak Anjal
B	Tidak Anjal	Anjal satu
C	Anjal	Anjal satu
D	Tidak Anjal	Anjal

- 33 Antara pernyataan berikut yang manakah dapat menentukan harga pasaran sesuatu barang?
- I kuantiti barang yang sanggup ditawarkan
 - II permintaan terhadap barang
 - III kualiti suatu barang
 - IV jenama barang
- A I dan II
- B II dan III
- C I dan III
- D II dan IV
- 34 Keseimbangan pasaran akan dicapai jika
- A Kuantiti permintaan pasaran sama dengan kuantiti penawaran pasaran
 - B Kuantiti permintaan pasaran melebihi kuantiti penawaran pasaran
 - C Kuantiti permintaan pasaran kurang daripada kuantiti penawaran pasaran
 - D Kuantiti permintaan pasaran tidak sama dengan kuantiti penawaran pasaran

Harga/kg (RM)	Kuantiti diminta (Kg)	Kuantiti ditawarkan (RM)
5	80	40
10	70	50
15	60	60
20	50	70
25	40	80

Jadual 6

35 Jadual 6 di atas menunjukkan kuantiti yang diminta dan ditawarkan bagi buah durian pada pelbagai tingkat harga. Berdasarkan jadual tersebut, pasaran buah durian menunjukkan

- A wujud lebih penawaran pada harga kurang daripada RM20
- B wujud lebih permintaan sebanyak 70 unit pada harga RM15
- C wujud lebih penawaran sebanyak 80 unit pada harga RM20
- D keseimbangan pasaran dicapai pada harga RM15

36 Jadual 7 menunjukkan kuantiti barang Y yang ditawarkan di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti yang ditawarkan (unit)
5	15
10	25
15	35
20	45
25	55

Jadual 7

Berapakah harga keseimbangan barang Y jika kuantiti yang diminta ialah 45 unit?

- A RM10
 - B RM20
 - C RM15
 - D RM25
- 37 Antara berikut yang manakah harganya tidak dapat ditentukan dalam pasaran faktor?
- A Usahawan
 - B Buruh
 - C Modal
 - D Tanah

- 38 Jadual 8 menunjukkan hubungan di antara harga sejenis buah-buahan dengan kuantiti yang diminta oleh pemborong W, X dan Y.

Harga Buah-buahan (RM)	Kuantiti Permintaan (kg)		
	Pemborong W	Pemborong X	Pemborong Y
10	80	85	90
15	60	65	60
20	40	45	45
25	20	25	30

Jadual 8

Jika kuantiti penawaran pasaran buah-buahan tersebut ialah 130 kg, berapakah harga keseimbangan pasaran?

- A RM10
- B RM15
- C RM20
- D RM25

- 39 Antara berikut yang manakah menerangkan peranan isi rumah dalam aliran pusingan ekonomi 2 sektor?
- I Sebagai pengeluar barang dan perkhidmatan
 - II Sebagai pembekal faktor pengeluaran
 - III Sebagai pengguna barang dan perkhidmatan
 - IV Sebagai pembekal barang dan perkhidmatan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 40 Antara berikut yang manakah merujuk kepada aliran fizikal dalam ekonomi dua sektor?
- A Aliran wang dan aliran barang-barang
 - B Aliran faktor pengeluaran dan aliran barang-barang dan perkhidmatan
 - C Aliran perbelanjaan penggunaan dan aliran barang-barang dan perkhidmatan
 - D Aliran faktor pengeluaran dan aliran wang

KERTAS SOALAN TAMAT

3757/1
Ekonomi Asas
Kertas 1
2011
1 jam 15 minit



JABATAN PELAJARAN MELAKA

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN
TINGKATAN EMPAT 2011

EKONOMI ASAS

[JAWAPAN]

Kertas 1

[Lihat sebelah]

JAWAPAN EKONOMI ASAS (SOALAN OBJEKTIF)
PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN TINGKATAN 4

1	B
2	B
3	C
4	C
5	D
6	B
7	C
8	D
9	D
10	B
11	B
12	C
13	D
14	C
15	B
16	D
17	C
18	D
19	C
20	A

21	D
22	B
23	A
24	C
25	D
26	D
27	A
28	C
29	B
30	C
31	B
32	C
33	A
34	A
35	D
36	B
37	A
38	C
39	B
40	B

3757/2
Ekonomi Asas
Kertas 2
2011
2 jam



JABATAN PELAJARAN MELAKA

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN
TINGKATAN EMPAT 2011**

EKONOMI ASAS

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **tiga** soalan dalam **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan .*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Penggunaan Kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak .

BAHAGIAN A

[75 markah]

*Jawab **tiga** soalan sahaja .*

1 (a) Petikan berikut adalah berkaitan dengan Kilang Perabot Jasa.

Kilang Perabot Jasa mempunyai modal sebanyak RM500,000. Peningkatan harga bahan mentah menyebabkan pengurus Kilang Perabot Jasa terpaksa membatalkan pengeluaran set kerusi bagi membolehkan kilangnya mengeluarkan set bilik tidur yang lebih menguntungkan.

Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh Kilang Perabot Jasa.

[6 markah]

Negara A

Pihak swasta bebas mengeluarkan barangan berdasarkan mekanisme harga.

Negara B

Pihak swasta bebas mengeluarkan barang. Kerajaan mengeluarkan barang awam yang tidak mampu dikeluarkan oleh swasta.

(b) (i) Nyatakan sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara A dan Negara B.

[2 markah]

SULIT

3757/2

(ii) Terangkan ciri-ciri sistem ekonomi negara B.

[6 markah]

(iii) Nyatakan tiga bentuk campur tangan kerajaan dalam negara B.

[3 markah]

(c) Terangkan sumber-sumber ekonomi yang digunakan dalam proses pengeluaran.

[8 markah]

2 (a) Nyatakan tiga sebab pinjaman dikenakan faedah

[3 markah]

(b) Maklumat di bawah menunjukkan senarai pendapatan dan perbelanjaan Encik Ismail pada bulan November.

Butiran Pendapatan dan Perbelanjaan	RM	RM
Gaji		2 000
Faedah		300
Untung		350
Ansuran kereta	500	
Tambang	80	
Bil Elektrik dan Air	200	
Cukai Pendapatan	250	
Caruman Kumpulan Wang		
Simpanan Pekerja (KWSP)	220	
Pakaian	150	
Perbelanjaan Luar Jangka	200	
Bayaran Zakat	120	
Wang saku	100	

Berdasarkan maklumat di atas :

(i) Hitungkan pendapatan boleh guna Encik Ismail bagi bulan November.

[3 markah]

- (ii) Sediakan satu penyata belanjawan peribadi Encik Ismail bagi bulan tersebut dan terangkan keadaan perbelanjaan beliau.

[5 markah]

- (iii) Terangkan tiga kebaikan perbelanjaan Encik Ismail dalam 2 (b)ii.

[6 markah]

- (c) Terangkan perbezaan di antara keperluan dan kehendak individu.

[8 markah]

- 3 a) Terangkan dua peranan isi rumah dalam ekonomi.

[4 markah]

- b) Jadual 1 berkaitan dengan tingkat harga dan kuantiti diminta bagi barang Y.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
10	25
20	20
30	15
40	10

Jadual 1

- i. Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk permintaan barang tersebut. (Gunakan skala 2 cm = RM10 pada paksi harga dan 2 cm = 5 unit pada paksi kuantiti)

[4 markah]


- ii. Pada graf yang sama di 3 (b)(i) ,lukis keluk permintaan yang baru bagi barang Y yang telah bertambah 5 unit pada setiap tingkat harga.

[2 markah]

- iii. Terangkan tiga faktor yang menyebabkan perubahan permintaan tersebut bagi barang Y.

[6 markah]

- (c) Rajah 1 menunjukkan hubungan antara tingkat harga dengan kuantiti diminta suatu barang.



Rajah 1

- i. Hitung nilai keanjalan harga permintaan bagi barang tersebut bila harga meningkat dari RM15 ke RM30 [2 markah]

Gunakan rumus : $\frac{\% \text{ Perubahan kuantiti diminta}}{\% \text{ Perubahan harga}}$

- ii. Tafsirkan nilai keanjalan harga permintaan di 3(c) (i). [3 markah]
- iii. Bezakan antara permintaan anjal dengan permintaan tak anjal. [4 markah]

- 4 (a) Maklumat di bawah diperolehi daripada Syarikat Mega Sdn Bhd untuk tahun lepas.

Syarikat Mega Sdn. Bhd.

Kos tetap – RM55 000
 Kos berubah – RM32 400
 Keluaran – 150 000 unit
 Harga seunit – RM1.50 seunit

- (i) Hitung kos purata bagi Syarikat Mega Sdn. Bhd. [2 markah]
- (ii) Kirakan keuntungan yang diperolehi oleh Syarikat Mega Sdn.Bhd [2 markah]
- (iii) Syarikat Mega telah menambahkan pengeluarannya kepada 200 000 unit apabila harga jualannya meningkat kepada RM2.50 seunit. Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi Syarikat Mega untuk menambahkan pengeluarannya. [6 markah]

- 4 (b) Jadual 2 di bawah menunjukkan penawaran ikan bawal hitam di Pulau Ketam.

Harga (RM)	8	12	16	20	24
Kuantiti ditawarkan (kg)	20	40	60	80	100

Jadual 2

- (i) Berdasarkan jadual yang diberi, lukiskan keluk penawaran untuk ikan Bawal hitam di Pulau Ketam. [4 markah]
- (ii) Terangkan hubungan antara harga dan kuantiti ditawarkan ikan bawal di Pulau Ketam. [3 markah]

(iii) Jelaskan kesan peristiwa-peristiwa berikut ke atas penawaran ikan oleh nelayan di Pantai Timur Semenanjung :

- a. Angin Monsun melanda kawasan Pantai Timur . [2 markah]

- b. Kerajaan mengurangkan subsidi minyak kepada nelayan. [2 markah]

- c. Nelayan menghadiri kursus cara-cara untuk menangkap ikan dengan berkesan. [2 markah]

- d. Dasar kerajaan meminta Agro Bank menurunkan kadar faedah pinjaman untuk pembelian motorbot dan alat-alat tangkapan ikan yang moden. [2 markah]

5

Syarikat Selamat Raya mengeluarkan baju T berjenama XYZ. Encik Faiz Imran membeli empat helai baju T XYZ dengan harga RM100. Aliya Zahra ialah anak Encik Faiz Imran yang bekerja di Syarikat Selamat Raya dan dibayar gaji sebanyak RM1500 sebulan.

(a) Lukiskan rajah aliran pusingan bagi situasi di atas. [8 markah]

(b) Jadual 3 berikut menunjukkan kuantiti diminta bagi baju T jenama CERIA oleh 2 orang individu.


Harga (RM)	Kuantiti diminta Amira (helai)	Kuantiti diminta Ameer (helai)
80	3	5
60	5	7
40	7	9

Jadual 3

(i) Lukiskan keluk permintaan pasaran baju T di atas. [4 markah]
(Gunakan skala 2 cm : RM40.00 pada paksi harga dan 2 cm : 2 unit pada paksi kuantiti)

(ii) Jelaskan pembentukan keluk permintaan pasaran tersebut. [4 markah]

- (c) Rajah 2 berikut menunjukkan keluk keseimbangan pasaran buruh.



Rajah 2

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan keseimbangan pasaran buruh.
[2 markah]
- (ii) Terangkan keadaan yang berlaku kepada pasaran buruh di a dan b.
[7 markah]

Bahagian B

(25 markah)

*Soalan ini **wajib** dijawab*

- 6 Cik Liza baru sahaja memperoleh pekerjaan sebagai kerani akaun di sebuah jabatan kerajaan yang terletak tidak jauh dari kediaman keluarganya. Beliau menerima gaji bulanan sebanyak RM1000 dan elaun sebanyak RM170 sebulan. Setiap bulan beliau menabung sebanyak RM150 melalui akaun tabungan di sebuah bank perdagangan di tempatnya.

Cik Liza berasakan pendapatannya tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan keluarganya dan telah menyewakan sebidang tanah milik ibunya seluas satu hektar kepada pekebun berbangsa Tionghua dengan sewa bulanan RM1500.

Empat tahun kemudian, Cik Liza berhasrat pula membuka sebuah kedai runcit kerana minatnya yang mendalam terhadap perniagaan. Melalui tabungannya selama ini beliau mengeluarkan modal sebanyak RM10 000 dan mengupah seorang pekerja. Setelah beberapa tahun berniaga, beliau membesarkan kedainya menjadi sebuah pasar mini dengan membuat pinjaman daripada Agro Bank.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut;

- (a) Terangkan faktor-faktor lain yang mendorong Cik Liza memilih pekerjaan sebagai kerani. [5 markah]
- (b) Jelaskan sebab-sebab Cik Liza membuat tabungan. [6 markah]

- (c) Terangkan jenis-jenis akaun yang ditawarkan oleh bank perdagangan selain daripada akaun tabungan [6 markah]
- (d) Selain daripada menyewakan tanah, apakah bentuk-bentuk pelaburan lain yang boleh dilakukan oleh Cik Liza? [4 markah]
- (e) Selain daripada Agro Bank, senaraikan sumber-sumber lain Cik Liza boleh membuat pinjaman [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

3757/2
Ekonomi Asas
Kertas 2
2011
2 jam



JABATAN PELAJARAN MELAKA

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN
TINGKATAN EMPAT 2011

MATA PELAJARAN
EKONOMI ASAS

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

Kertas JAWAPAN ini mengandungi 14 halaman bercetak.

Soalan	Skema	Pemarkahan
1 (a)	F1 – Kilang Perabot Jasa ialah firma F2 – Masalah kekurangan H2 – Factor-faktor pengeluaran/ modal/ sumber ekonomi F3 – Masalah Pilihan H3 – memilih untuk mengeluarkan barang yang memaksimumkan keuntungan F4 – Masalah kos lepas H4 – kos lepas ialah pengeluaran set kerusi	1 1 1 1 1 1 1 <hr/> [Maks. 6]
(b) i.	Negara A – Sistem Ekonomi Kapitalis Negara B – Sistem Ekonomi Campuran	1 1 <hr/> [2 m]
(b) ii.	F1 – Pemilikan factor H1 – Huraian F2 – Pembuat keputusan H2 – Huraian F3 – Pilihan H3 – Huraian F4 – Penentuan Harga H4 – Huraian F5 – Persaingan H5 – Huraian F6 – Motif H6 – Huraian Pilih mana-mana 3 faktor dan huraikan	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 <hr/> [Maks.6m]

(b) iii.	F1 – Kerajaan akan mengeluarkan barang awam F2 – Agihan cukai pendapatan yang seimbang dan pemberian subsidi F3 – Kerajaan mengawal harga barang keperluan F4 – Pemilikan sumber ekonomi dikawal oleh kerajaan melalui undang-undang	1 1 1 1 <hr/> [Maks. 3m]
(c)	F1 – Buruh H1 – Huraian F2 – Tanah H2 – Huraian F3 – Modal H3 – Huraian F4 – Usahawan H4 – Huraian (4 fakta dan 4 huraian)	1 1 1 1 1 1 <hr/> [8m]
2(a)	F1 Menanggihkan perbelanjaan pada masa kini F2 Menanggung risiko F3 Menanggung kejatuhan nilai wang	1 1 1 <hr/> [3m]
2(i)	PBG = Jumlah Pendapatan –Potongan Wajib = 2650 – (250+220+120) = RM2650 – RM590 = RM2060	1 1 1 1 <hr/> [Maks.3m]


(ii)	Butiran		RM	RM	1	
	Pendapatan Boleh Guna			2060		1
	Tolak : perbelanjaan					
	Ansuran Kereta	500	}			1
	Tambang	80				
	Bil Elektrik dan Air	200				
	Wang Saku	100				
	Pakaian	150				
Perbelanjaan Luar Jangka	200					
			1230	1		

			<u>830</u>	1		
	- Pendapatan RM 2060 melebihi daripada perbelanjaan RM 1230				1	
					<u>1</u>	
					[5m]	
(iii)	F1	Membantu individu menabung			1	
	H1	membantu individu menentukan jumlah tabungan yang dikeluarkan			1	
	F2	Membantu menyalurkan perbelanjaan mengikut pendapatan			1	
	H2	Individu perlu realistik tentang berapa banyak perbelanjaan yang hendak dilakukan.			1	
	F3	Membantu mengelakkan hutang			1	
	H3	Hanya membeli berdasarkan keperluan			1	
	F4	Mendahulukan barang dan perkhidmatan yang penting			1	
	F5	Membantu mengawal kenaikan harga barang			1	
					<u>1</u>	
					[Maks.6m]	

2(c)	KEPERLUAN	KEHENDAK	
	Individu memerlukan untuk terus hidup.	Individu dapat hidup dengan lebih selesa jika kehendaknya dapat dipenuhi.	2
	Barang ini mempunyai unsur kemestian dan harus dipenuhi terlebih dahulu.	Barang ini mempunyai pelbagai pilihan dan merupakan barang mewah.	2
	Barang ini sama untuk semua individu dan terhad kepada beberapa barang saja.	Barang ini pelbagai dan tidak terhad.	2
	Harga barang keperluan dikawal oleh kerajaan.	Harga barang kehendak tidak dikawal oleh kerajaan.	2
	Contohnya: makanan, pakaian, dan tempat perlindungan.	Contohnya: kereta mewah, radio hi-fi, dan alat pendingin udara.	2
			[Maks. 8m]
3 (a)	F1 Sebagai pembekal faktor-faktor pengeluaran H1 Menerima ganjaran dalam bentuk upah/sewa/faedah/untung F2 Sebagai pengguna barang dan perkhidmatan H2 Membelanjakan pendapatan untuk memaksimumkan Kepuasan.		1 1 1 1 <hr/> 4 [4m]


3(b)(i)	<p>1. Paksi harga } Perlu ada origin, label dan skala 2. Paksi kuantiti } Tepat 3. Sekurang-kurangnya 2 koordinat titik. 4. Keluk D0D0</p> <p>Nota : Tiada titik origin , tiada markah paksi (-2m)</p>	1 1 1 1 [4m]
3(b)(ii)	1. Sekurang-kurangnya 2 koordinat titik. 2. Keluk D1D1	1 1 [2m]
3(b)(iii)	F1 Harga barang lain/harga barang pengganti /harga barang penggenap H1 Harga barang pengganti meningkat/harga barang penggenap jatuh F2 Pendapatan pengguna H2 Peningkatan pendapatan pengguna F3 Cita rasa H3 Pengguna lebih gemar terhadap barang Y F4 Jangkaan harga pada masa depan H4 Harga barang Y meningkat pada masa depan,permintaan meningkat pada masa kini	1 1 1 1 1 1 1

	<p>F5 Dasar kerajaan Pemberian subsidi/pengurangan cukai</p> <p>F6 Musim Musim perayaan/musim hujan dll</p> <p style="text-align: right;">Mana –mana 3 fakta x 2</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[6m]</p>								
3(c)(i)	$Ed = \frac{Q1 - Q0}{Q0} \times \frac{P0}{P1-P0}$ $= \frac{10 - 15}{15} \times \frac{15}{30-15}$ $= \frac{1}{3}$ $= 0.33$	<p>1</p> <p>1</p> <p>[2m]</p>								
3(c)(ii)	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak Anjal - Peratus perubahan kuantiti diminta kurang daripada peratus perubahan harga - Jika harga meningkat 1%, kuantiti diminta akan turun 0.33% 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[3m]</p>								
3(c)(iii)	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">Permintaan Anjal</th> <th style="width: 50%;">Permintaan tak anjal</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>H1a: peratus perubahan kuantiti diminta lebih besar daripada peratus perubahan harga.</td> <td>H1b: peratus perubahan kuantiti diminta lebih kecil daripada peratus perubahan harga.</td> </tr> <tr> <td>H2a: keluk landai</td> <td>H2b: keluk curam</td> </tr> <tr> <td>H3a: pekali keanjalan >1</td> <td>H3b: pekali keanjalan < 1</td> </tr> </tbody> </table>	Permintaan Anjal	Permintaan tak anjal	H1a: peratus perubahan kuantiti diminta lebih besar daripada peratus perubahan harga.	H1b: peratus perubahan kuantiti diminta lebih kecil daripada peratus perubahan harga.	H2a: keluk landai	H2b: keluk curam	H3a: pekali keanjalan >1	H3b: pekali keanjalan < 1	<p>1 + 1</p> <p>1 + 1</p> <p>1 + 1</p> <p>[Maks.4m]</p>
Permintaan Anjal	Permintaan tak anjal									
H1a: peratus perubahan kuantiti diminta lebih besar daripada peratus perubahan harga.	H1b: peratus perubahan kuantiti diminta lebih kecil daripada peratus perubahan harga.									
H2a: keluk landai	H2b: keluk curam									
H3a: pekali keanjalan >1	H3b: pekali keanjalan < 1									
4(a)(i)	<p>Kos purata = $\frac{\text{Kos Tetap} + \text{Kos Berubah}}{\text{Jumlah Keluaran}}$</p> <p style="text-align: center;">/</p> <p>= $\frac{\text{RM55 000} + \text{RM32 400}}{150, 000}$</p> <p>= RM0.58</p> <p>= RM 0.58 seunit</p> <p>Nota : Sekurang-kurangnya unit RM ditulis sekali dalam jawapan</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>[2m]</p>								

(a)(ii)	<p>Keuntungan = Jumlah Hasil – Jumlah Kos / = RM225000 – RM87400 = RM137600</p> <p>Syarikat Mega untung sebanyak RM 137 600</p>	<p>1</p> <p>$\frac{1}{[2 m]}$</p>
4(a)(iii)	<p>Faktor yang mempengaruhi Syarikat Mega Sdn. Bhd. menambah pengeluarannya ialah:</p> <p>F1 Harga barang itu sendiri. H1 bila harga barang meningkat / kadar keuntungan akan meningkat.</p> <p>F2 Harga barang lain / pengganti atau penggenap H2 Pengeluar akan cuba gantikannya dengan alternatif yang lebih mahal.</p> <p>F3 Harga faktor pengeluaran. H3 bila kos upah, sewa, faedah turun kos pengeluaran akan turun / ini menyebabkan Syarikat Mega menambahkan pengeluarannya.</p> <p>F4 Tingkat teknologi. H4 cara-cara/teknik/penggunaan jentera canggih /meningkatkan daya pengeluaran /menambahkan pengeluaran.</p> <p style="text-align: right;">Mana – mana 3F x 2H</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[6m]</p>
4(b)(i)	<p>Harga (RM)</p>  <p>Kuantiti yang ditawarkan (Kg)</p>	

	<p>Markah untuk graf:</p> <p>Paksi x dilabel dengan betul</p> <p>Paksi y dilabel dengan betul</p> <p>Skala paksi x dan y betul</p> <p>Keluk DD dilukis dan dilabel dengan betul</p> <p>Origin ditanda</p> <p>Tajuk graf</p> <p>Nota : tiada titik origin – tiada markah paksi (- 2m)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maks. 4m]</p>
4(b)(ii)	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungan antara harga ikan dan kuantiti yang ditawarkan adalah positif. • Bila harga rendah seperti pada RM 8 sekilo kuantiti yang ditawarkan adalah 20 kg sahaja. • Bila harga naik ke RM 12 dan RM 16 kuantiti yang ditawarkan juga naik ke 40 kg dan 60 kg masing-masing dan seterusnya. • Peningkatan dalam harga menggalakkan pengeluaran nelayan menambah penawaran ikan. 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Maks. 3m]</p>
4(b)(iii)	<p>Kesan ke atas penawaran adalah seperti berikut:</p> <p>(a) Bila angin monsun melanda kawasan Pantai Timur</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nelayan bergantung pada unsur alam semula jadi iaitu musim. / • Angin monsun kencang dan laut bergelora menyebabkan penawaran ikan berkurangan. <p>(b) Bila subsidi minyak dikurangkan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos pengeluaran meningkat / • Penawaran ikan berkurang. <p>(c) Para nelayan menghadiri kursus</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dengan ikuti kursus ini cara-cara/teknik penangkapan ikan yang berkesan dapat diamalkan. • Menambah penawaran ikan <p>(d) Bila kadar faedah pinjaman untuk belian alatan tangkapan ikan turun.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lebih banyak nelayan akan mampu beli alat-alat tangkapan ikan yang moden/canggih / • Hasil/penawaran meningkat kerana peningkatan dalam tingkat teknologi. 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[8m]</p>

5(a)




[8m]

Aliran Fizikal → 1m
 Aliran Wang - - - - - → 1m

Rajah umum - tidak diterima
 Isi rumah / Firma - tidak diterima

5(b)(i)



Keluk DD – 1markah

Plot (titik a,b dan c) – 1 markah

Nota : tiada titik origin – tiada markah paksi (- 2m)

[4m]

5(b)(ii)	<p>Permintaan pasaran diperoleh dengan mencampurkan semua kuantiti yang diminta oleh semua individu pada setiap tingkat harga:</p> <p>H1 Pada harga RM80.00 kuantiti diminta Amira 3 helai manakala kuantiti diminta Ameer 5 helai. Oleh itu permintaan pasaran ialah 8 helai ditunjukkan oleh titik a.</p> <p>H2 Pada harga RM60.00, kuantiti diminta Amira 5 helai manakala kuantiti diminta Ameer ialah 7 helai. Oleh itu permintaan pasaran 12 helai ditunjukkan oleh titik b.</p> <p>H3 Pada harga RM40.00, kuantiti diminta Amira 7 helai manakala kuantiti diminta Ameer ialah 9 helai. Oleh itu permintaan pasaran 16 helai ditunjukkan oleh titik c.</p> <p>H4 Keluk permintaan pasaran diperoleh dengan menyambungkan titik-titik a, b dan c.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <hr/> <p>[4m]</p>
5(c)(i)	<p>Keseimbangan pasaran buruh</p> <p>Satu keadaan apabila kuantiti buruh yang diminta adalah sama dengan kuantiti buruh yang ditawarkan pada suatu tingkat kadar upah tertentu.</p>	<p>2</p>
5(c) (ii)	<p>H1 keadaan pasaran buruh di a dan b = ketidakseimbangan pasaran buruh</p> <p>H2 Di a, kuantiti buruh diminta 10 orang, kuantiti buruh ditawarkan 50 orang</p> <p>H3 keadaan ini mewujudkan lebihan penawaran buruh</p> <p>H4 Ini akan menyebabkan kadar upah cenderung turun sehingga mencapai titik keseimbangan</p> <p>H5 Di b, kuantiti buruh diminta 40 orang, kuantiti buruh ditawarkan 20 orang</p> <p>H6 keadaan ini mewujudkan lebihan permintaan buruh.</p> <p>H7 Ini akan menyebabkan kadar upah cenderung naik sehingga mencapai titik keseimbangan</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <hr/> <p>[7m]</p>

6(a)	<p>Faktor-faktor lain yang mempengaruhi Cik Liza memilih kerani:</p> <p>F1 Suasana tempat kerja</p> <p>H1 gemar suasana selesa, berhawa dingin</p> <p>F2 Pengaruh keluarga, rakan dan guru</p> <p>H2 mereka memberi cadangan, galakan, sokongan</p> <p>F3 Pengalaman dan kemahiran</p> <p>H3 pernah ada pengalaman</p> <p>F4 Prospek</p> <p>H4 ada peluang naik pangkat, ikuti kursus</p> <p>F5 keadaan ekonomi semasa</p> <p>H5 tidak pilih pekerjaan</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	[Maks. 5m]
(b)	<p>Sebab-sebab Cik Liza membuat tabungan:</p> <p>F1 menghadapi masa kecemasan / tujuan awasan</p> <p>H1 semasa sakit, kemalangan dsb</p> <p>F2 membeli barang tahan lama secara tunai</p> <p>H2 untuk menikmati harga lebih rendah</p> <p>F3 menambah punca kewangan</p> <p>H3 memperoleh pulangan dalam bentuk faedah/ dividen</p> <p>F4 memenuhi cita-cita tertentu</p> <p>H4 untuk melancong, menunaikan umrah/haji dsb</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	[Maks.6m]
(c)	<p>Jenis-jenis akaun di bank perdagangan</p> <p>F1 Akaun tetap</p> <p>H1a simpanan ikut tempoh masa contoh 3, 6, 9 bulan</p> <p>H1b lebih lama tempoh simpanan lebih tinggi faedah dibayar</p> <p>H1c boleh keluar setelah tempoh matang</p> <p>F2 Akaun Semasa</p> <p>H2a boleh mengeluarkan wang pada bila-bila masa</p> <p>H2b boleh gunakan cek untuk membuat pembayaran</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	<p>[Maks. 3m]</p>

	H2c tidak dibayar faedah H2d dikenakan bayaran perkhidmatan H2e boleh memohon overdraf H2f tidak diberi buku akaun/diberi penyata bank	1 1 1 1 1 [Maks. 3m]
	Jumlah	[6 m]
(d).	Bentuk-bentuk pelaburan lain: F1 Pembelian barang modal H1 Seperti mesin, jentera kemudian usahakan sendiri contoh, beli mesin fotostat buka kedai fotostat F2 Pembelian stok atau barang niaga H2 Beli bahan mentah dan proses jadikan barang siap F3 Pelaburan dalam sumber manusia H3 Melalui pendidikan dan latihan/ kursus	1 1 1 1 1 1 _____ [Maks.4m]
(e)	Sumber pinjaman: F1 Bank perdagangan F2 Syarikat kewangan F3 Koperasi F4 Kedai pajak gadai F5 YAPEIM F6 Bank Islam Malaysia Bhd F7 MARA F8 Ceti F9 Sahabat handai , saudara mara F10 Syarikat Insurans	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 _____ [Maks. 4m]

-PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT-